

Bidang Seni Tarian Sudah Sebati Dalam Diri

Oleh: Saddam Edris

Sikapnya yang mudah tersenyum dan ceria membuatkan kami selesa mendekati dirinya. Wajahnya begitu mesra ketika kami mengunjungi beliau untuk di temubual. Satu kelebihan yang ada pada dirinya, beliau begitu aktif dan lincah sekali dalam bidang tarian bahkan anak gadis dari negeri adat papatih ini muncul menjadi salah seorang penari negara yang menjulang nama di persada dunia. Bukan hanya memiliki kelebihan dalam speh tarian malahan beliau juga memiliki kelebihan lain yang sememangnya membuatkan kami ingin mendekati dan cuba mendengar perkongsian hidup beliau.

Pergerakan dan kelincihan dalam membuka langkah tarian membantu beliau merangkul pelbagai anugerah sehingga menjadikan diri beliau sungguh berharga di mata masyarakat. Padatlah tahun 1996 dan 1997, beliau berjaya meletakkan dirinya di kedudukan sepuluh terbaik bagi kategori terbuka dalam Chinese Dance Festival peringkat kebangsaan kali ke-17 dan 18.

Selain itu, Bercerita mengenai latarbelakang beliau, nama diberi Tang Sook Kuan atau lebih dikenali Puan Tang yang kini berusia 32 tahun masih lagi bergiat aktif dalam bidang tarian. Beliau merupakan anak ke-3 daripada lima orang adik-beradik. Ayahnya merupakan Mandur ladang kelapa sawit manakala ibunya bekerja sambil dengan membuat perkhidmatan membaiki dan mengecat rumah. Kesusahan dan keperihan hidup yang dialami pada

masa dahulu tidak menjadi halangan kepada kedua orang tuanya untuk terus menyara kehidupan harian dan persekolahan mereka. Usaha yang cecal membuatkan hidup keluarga Puan Tang kini berubah lebih baik.

Beliau yang merupakan tenaga pengajar di Universiti Malaysia Sabah (UMS) juga adalah bekas pemegang Ijazah Sarjana Muda Seni Kreatif (Tarian) di UMS pada tahun 2001 hingga 2005. Selepas itu, beliau meneruskan lagi pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi.

Kini, beliau menjadi salah seorang tenaga pengajar di Sekolah Pengajian Seni (SPS), UMS dalam bidang tarian. Peluang untuk mendidik anak-anak muda dalam bidang senitari membuatkan Puan Tang gembira dan ingin kekal menjadi tenaga pengajar yang sentiasa berkhidmat di sana. Puan Tang kini berjaya menempatkan diri beliau sebagai pensyarah sepenuh masa di UMS.

Mengimbas kembali perjalanan beliau ketika menimba ilmu membuatkan kami terpegun seketika. Anak ketiga daripada lima beradik ini awalnya bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Pei Hua di Seremban. Setelah itu, beliau meneruskan pengajiannya di Sekolah Menengah Chan Wa dan terakhir di Sekolah Menengah Tunku Ampuan Durah. Beliau mula aktif dalam tarian ketika di sekolah menengah dengan melibatkan diri memasuki kelas tarian dan menjadi pengerusi kelab tarian sehingga tingkatan tiga. Selepas tamat

tingkatan lima, beliau meneruskan pelajarannya di tingkatan 6 di SM Tunku Ampuan. Walaupun beliau aktif dalam aktiviti tarian di sekolah, Puan Tang tidak pernah mengabaikan pelajarannya. Pembahagian masa yang baik antara akademik dan kokurikulum mendorong beliau mendapat keputusan yang cemerlang dalam STPM.

Keputusan tersebut membuatkan beliau berjaya melanjutkan pengajian keuniversiti. Tawaran melanjutkan pengajian di UMS menjadi platform kepada beliau untuk terus berusaha meningkatkan kemahiran seni tarian yang beliau pelajari selama ini. Peluang ini tidak di sia-siakan untuk menonjolkan bakat beliau sehingga memperolehi pelbagai pencapaian dan anugerah dalam senitari.

Walaubagaimanapun, beliau

tidak akan berjaya sekiranya tidak ada dorongan atau sokongan padu daripada keluarga terutama kakak beliau sendiri iaitu Tang Sook Yeng yang mendorong beliau melibatkan diri dalam senitari. Usaha dan sokongan tersebut membuatkan beliau tidak pernah berputusasa dan terus meningkatkan kemahiran tariannya sedikit demi sedikit. Beliau sempat menunjukkan kepada kami rakaman tarian daripada Pina Bousch iaitu seorang koreografi peneraju teater Jerman dan merupakan seorang yang pertama dan banyak menggunakan elemen teater dalam tarian yang beliau hasilkan.

Beliau telah mengikuti pelbagai jenis tarian seperti tarian kipas iaitu salah satu tarian masyarakat Cina. Selain itu, beliau turut mengikuti tarian kontemporari yang melibatkan

pelbagai tarian tradisional dan moden serta gabungan kedua-dua tarian tersebut. Malahan di UMS juga, beliau melibatkan diri dalam tarian Melayu seperti joget dan zapin serta tarian Sabah seperti Sumazau. Kini beliau aktif dalam mempelajari Tarian ballet dan Tarian Modern Teknik. Puan Tang sering kali mengajar anak didiknya membuat satu pergerakan kreatif yang mampu menghasilkan tarian yang berupaya memikat penonton. Beliau sering membawa pelajar-pelajarnya melihat penari-penari negara membuat persembahan untuk mereka pelajari dan cuba mendapatkan lebih pengetahuan berkaitan tarian.

Pencapaian yang beliau perolehi membuatkan kami berasa sungguh kagum dengan usaha beliau.



Ekspresi wajah dalam menjivai tarian yang dipersembahkan.



Tang bersama penarinya semasa mengadakan persembahan